

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
PhD (Undang-undang Perlembagaan) UKM & Penasihat Gabungan MI'RAJ



Perlembagaan Persekutuan jayakan agenda kebangsaan

Semalam tanggal 5 Ogos, genaplah 61 tahun Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dimeterai yang menyaksikan Perlembagaan Persekutuan diangkat sebagai undang-undang tertinggi mentakrifkan prinsip perlembagaan dan sistem politik tanah air.

Atas kedaulatan Raja-Raja Melayu, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 diinstitusikan melalui perjanjian berkenaan yang dimeterai pada 5 Ogos 1957. Perjanjian itu pada hakikatnya merakamkan persetujuan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan konsep pemerintahan secara persekutuan yang diasaskan dalam Perjanjian Negeri 1948.

Perlu dinyatakan bahawa prerogatif Yang di-Pertuan Agong terhasil daripada delegasi kuasa kedaulatan dan prerogatif Raja-Raja Melayu bagi pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat demi memelihara kepentingan bersama-sama di antara Persekutuan dan negeri.

Undang-undang tertinggi bermaksud apa yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan itu mengatasi peruntukan mana-mana undang-undang yang digubal selepas Hari Merdeka, sama ada di Parlimen mahupun di De-

wan Undangan Negeri (DUN).

Negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, namun ia tidak bermaksud kedudukan Raja-Raja Melayu hari ini diwujudkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip perlembagaan negara kita terbina atas kedaulatan dan prerogatif Raja-Raja Melayu. Perkara 181(1) perlembagaan mene-

apkan kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja Melayu seperti sedia ada seperti sebelum Hari Merdeka tetap terpelihara dan tidak terjejas, melainkan setakat dihadkan oleh peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Bukan ciptaan perlembagaan
Prerogatif itu adalah kuasa, hak keistimewaan, kelebihan dan kelayakan terletak secara eksklusif pada seseorang atau kumpulan atau entiti atas sifat tertentu yang diiktiraf di sisi undang-undang.

Walaupun kedudukan itu tidak dinikmati semua, ia sah dan bukanlah satu bentuk diskriminasi yang bercanggah dengan kedaulatan undang-undang. Dalam hubung-kait di antara kedaulatan dengan prerogatif, prerogatif itu adalah manifestasi kepada kedaulatan.

Ia bermaksud prerogatif tertakluk pada kerangka kedaulatan di sisi undang-undang sesebuah negara, sama ada bercirikan continuum (berasaskan ajaran agama) atau *dichotomy* (berasaskan sekularisme yang terpisah daripada keagamaan dan tiada nilai khusus bersifat tetap, dipanggil dalam bahasa Inggeris sebagai 'relativism').

Perkara 181(1) juga memelihara prerogatif, kuasa dan bidang kuasa pembesar memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah masing-masing, tertakluk pada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan negeri.

Prerogatif Raja-Raja Melayu bukan ciptaan Perlembagaan Persekutuan, tetapi ia sudah sedia ada dan diwarisi sekian lama atas sifat mereka sebagai pemerintah

tertinggi negeri-negeri di Tanah Melayu.

Kedudukan itu selain termaktub dalam Perkara 181(1), juga diperjelaskan oleh Perkara 77 bahawa Badan Perundangan Negeri berkuasa untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa jua yang tidak terkandung dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan Perkara 77 itu sesungguhnya satu manifestasi sumber kuasa penginstitusian Perlembagaan Persekutuan yang terbit daripada prerogatif Raja-Raja Melayu, memberi jaminan kepada hak Raja-Raja Melayu di bawah perlembagaan negeri masing-masing.

Hal ini terkandung dalam Perkara 77 yang berbunyi: Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesuatu negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak perlembagaan dan keistimewaan Raja negeri itu mengikut Perlembagaan negeri itu, akan tetapi apa-apa pertikaian tentang hak untuk mewarisi sebagai Raja mana-mana negeri hendaklah diputuskan hanya oleh mana-mana pihak berkuasa dan hanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh perlembagaan negeri itu.

Perlu difahami bahawa sistem demokrasi berparlimen tidaklah bermaksud Parlimen berkedudukan lebih tinggi daripada Perlembagaan Persekutuan. Prinsip itu termaktub dalam Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan.

→ Lihat Ms.11

(FOTO HIASAN)



Prinsip demokrasi berparlimen tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan.



Peruntukan Perkara 77 itu sesungguhnya satu manifestasi sumber kuasa penginstitusian Perlembagaan Persekutuan yang terbit daripada prerogatif Raja-Raja Melayu, memberi jaminan kepada hak Raja-Raja Melayu di bawah perlembagaan negeri masing-masing"